

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR.S.SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' SERI TIONG KING SING
[BINTULU]
TARIKH : 16 MAC 2015
SOALAN :**

YB Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan :

- (a) Apakah statistik terkini jumlah doktor dan apakah nisbah doktor kepada pesakit dalam negara kita; dan
- (b) Sejauh mana tepat dakwaan yang menyatakan doktor di negara kita berlebihan.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, jumlah pesakit di sektor Kerajaan dan swasta pada tahun 2013 ialah 60.1 juta berbanding 48.2 juta yang dilaporkan pada tahun 2009. Secara keseluruhan, nisbah Pegawai Perubatan kepada pesakit pada tahun 2013 adalah **1 Pegawai Perubatan untuk 1,280 pesakit (1:1,280)** berbanding tahun 2009, iaitu **1 Pegawai Perubatan untuk 1,580 pesakit (1:1,580)**.

Manakala, berdasarkan maklumat perjawatan Kementerian Kesihatan terdapat seramai 31,718 pegawai perubatan telah dilantik berbanding 34,684 perjawatan yang ada (**pengisian 91.5%**). Sehubungan dengan itu, tidak berlaku lebihan doktor.